

PERSONALITY/SIMPLYHANIPRON5



Saintis oral

Serdang: Pengorbanan menamatkan perkhidmatan sebagai doktor pergigian bagi mengikuti suami membangunkan kerjaya di negara ini tidak menghalang Nyi Mas Siti Purwaningsih untuk meneruskan minat dalam bidang oral itu.

Beliau melanjutkan pengajian bidang Sarjana Pergigian di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan teruja dapat meneroka peranan sebagai saintis pula dalam penyelidikan berkaitan kanser mulut.

Katanya, peluang itu ingin dimanfaatkan sepenuhnya bagi meningkatkan kesedaran umum mengenai risiko serta rawatan penyakit oral yang kurang diberi perhatian walaupun risiko menghadapinya kini semakin tinggi.

PROFIL

Nyi Mas Siti Purwaningsih

Umur: 35 tahun

Asal: Jakarta, Indonesia

Hobi: Membeli-belah

Program pengajian: Sarjana Pergigian (Oral Biologi) UPM

